

## □ Korporat

### MCIS Zurich mahu gabung insurans am

KUALA LUMPUR 7 Feb. - MCIS Zurich Insurance Bhd. (MCIS Zurich) sedang menimbang untuk mengadakan penggabungan dengan syarikat insurans am lain dalam usahanya menjadi antara 10 pemain utama di negara ini.

"Melalui penggabungan dengan syarikat lain, kami boleh meningkatkan kedudukan dalam pasaran menjadi antara 10 pemain utama dalam negara," kata Ketua pegawai Eksekutifnya, Md Adnan Md Zain hari ini.

Beliau berkata pihaknya memberikan masa selama dua tahun untuk mengadakan penggabungan itu.

Bagaimanapun, Md Adnan menambah setakat ini, tiada sebarang perbincangan dilakukan.

Beliau berkata demikian selepas majlis memeterai perjanjian pakatan bancassurance antara MCIS Zurich dan RHB Bank di sini hari ini.

Mengulas mengenai perniagaan insurans hayatnya, Md Adnan berkata, syarikat itu telah mengadakan pelbagai langkah untuk membolehkannya beroperasi secara sendiri.

"Kami adalah syarikat insurans hayat yang teguh. kami berkeupayaan untuk berkembang secara dalaman atau organik pemain, kami tidak mempunyai rancangan untuk bergabung," kata beliau.

Md Adnan berkata MCIS Zurich menasaskan pertumbuhan premium sebanyak 20 peratus bagi insurans am dan juga hayat dalam tempoh tiga tahun akan datang. Premium kasar semasa kedua-dua operasi insurans sekiranya disatukan berjumlah RM500 juta.

Sementara itu, di bawah perjanjian yang dimeterai hari ini, RHB Bank akan memasarkan lima produk insurans hayat MCIS Zurich (MZ CashSure) yang direka khusus bagi pelanggan bank tersebut.

Md Adnan berkata, RHB Bank yang mempunyai dua juta pelanggan runcit dan 200,000 pelanggan komersial, akan memasarkan produk-produk insurans MCIS Zurich di lebih 200 buah cawangannya di seluruh negara.

Katanya, MCIS Zurich menasaskan premium bernilai RM25 juta dalam tempoh setahun pertama memperkenalkan produk itu.

Mengenai MZ Cashsure, beliau berkata, ia merupakan pelan endowmen berpremium tunggal untuk tempoh lima yang bukan hanya menjamin pulangan tetapi juga pelaburan awal pelabur.

Pelan yang boleh dilabur dengan jumlah sekurang-kurangnya RM25,000, menawarkan kepada pelabur jaminan pembayaran tunai sebanyak lima peratus dalam tahun pertama dan empat peratus tahun berikutnya.

Sementara, Bernama melaporkan RHB Bank menasaskan pendapatan sebanyak RM2 juta melalui sasaran premium berjumlah RM25 juta dalam pakatan yang dimeterai itu.

Bank itu juga menjangkakan sumbangan RM10 juta daripada operasi perniagaan bancassurance kepada perolehannya bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2006 berbanding RM3.5 juta tahun kewangan sebelumnya.

Pada majlis tersebut, Md. Adnan mewakili MCIS Zurich manakala RHB Bank diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Michael J. Barret.